

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 8 OKTOBER 2017

MUKA SURAT: 02



HAJIB TUN RAZAK diberi penerangan oleh Abdul Mutalib Alias (depan, dua dari kanan) mengenai model rumah PRIMA sambil diperhatikan Mohamed Khaled Nordin ketika melawat pameran sempena perasmian Ekspo Johor Berkemajuan 2017 di Dataran Mahkota, Kota Iskandar, Johor, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

4 inisiatif lonjak pembangunan Johor

ISKANDAR PUTERI 7 Okt.

Datuk Seri Najib Tun Razak memberi komitmen dan sokongan padu terhadap empat inisiatif utama bagi melonjak pembangunan dan kemajuan Johor pada masa akan datang.

Empat inisiatif tersebut ialah kemudahan Bas Rapid Transit (BRT) di kawasan Iskandar Malaysia, Pelan Induk Kemahiran Rakyat (PPR) dan Dasar Kelestarian Johor.

"Saya yakin empat ini-

siatif yang dilancarkan kerajaan negeri ini akan mantapkan lagi pembangunan ke fasa yang lebih baik.

"Pembangunan dan perubahan yang dibuat ini juga selari dengan program transformasi yang kita lakukan," kata Perdana Menteri semasa merasmikan Ekspo Johor Berkemajuan 2017 di Dataran Mahkota, Kota Iskandar, di sini hari ini.

Ekspo itu berlangsung mulai semalam hingga 14 Oktober ini.

4 INISIATIF

- BAS RAPID TRANSIT (BRT)**
 - Jadi tulang belakang infrastruktur pengangkutan awam di wilayah Iskandar Malaysia untuk dua dekad akan datang.
 - Sistem transit berasaskan bas yang berkualiti tinggi.
 - Kos pelaksanaan **RM2.56 bilion**. Dibiayai oleh kerajaan Pusat RMI bilion, manakala kerjasama swasta dari awam **RMI.56 bilion**.
- PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)**
 - 4 projek PPR baharu akan dibangunkan. Melibatkan pembinaan **1,830 unit** rumah dengan kos berjumlah **RM360 juta**.
 - PPR Ulu Tiram, PPR Permas Jaya, PPR Masai dan PPR Bandar Tenggara.
- Pelan Induk Kemahiran**
 - Aspirasi kerajaan negeri untuk memacu pembangunan kemahiran yang berteraskan bidang Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) kepada golongan belia.
 - 5 elemen teras, iaitu struktur dan dasar tadbir urus yang kukuh, memupuk minat dan bakat, penyelarasan dan fasilitasi pembiayaan, kualiti dan penyampaian TVET dan penyediaan kemudahan yang inklusif.
- DASAR KELESTARIAN JOHOR**
 - Jadi garis panduan dan komitmen dalam pemeliharaan serta pemuliharaan alam sekitar.
 - Pastikan kerangka pembangunan dan kemajuan dijalankan **tidak mengadalkan alam sekitar**.